



**SEORANG** penduduk melihat tebing yang runtuh mengancam kediaman Orang Asli di Pos Sendrop, semalam.

## Tanah runtuh ancam 10 keluarga

**L**OJING: Seramai 10 keluarga Orang Asli di Pos Sendrop, dekat sini, terselamat apabila bertindak pantas menyelamatkan diri setelah berlaku kejadian tebing runtuh berhampiran dengan kediaman mereka malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 10 malam ketika hujan lebat itu, tiada kemalangan jiwa berlaku dan penduduk yang keluar rumah untuk menyelamatkan diri, kembali semula setengah jam kemudian setelah mendapati kediaman selamat diduduki.

Kejadian dipercayai akibat pembukaan tanah tidak terkawal oleh syarikat ter-

tentu bagi kegiatan menanam sayur di kawasan tinggi itu dan penduduk Orang Asli kesal dengan sikap pengu-saha kebun sayur yang bertindak mengalihkan aliran anak sungai ke kawasan berhampiran penempatan mereka sehingga menyebabkan berlaku hakisan tebing.

Penduduk, Rokiah Angah, 52, berkata ketika kejadian, beliau bersama lima beranak sedang bersiap untuk tidur sebelum kejadian itu dan dikejutkan dengan satu gegaran kuat menyebabkan mereka semua bergegas keluar dari rumah menyelamatkan diri.

Beliau berkata, tidak sampai 10 minit selepas keluar

dari rumah, tebing berhadapan rumahnya runtuh dan aliran air sungai melimpahi tebing sebelum mengalir ke kampung berkenaan.

“Walaupun kediaman selamat dalam kejadian malam tadi, namun saya tetap merasa bimbang sekiranya kejadian tebing runtuh itu menjadi lebih serius akan menyebabkan berlaku kemalangan jiwa nanti.

“Apabila sebuah syarikat pengusaha kebun sayur menimbus anak sungai asal dan membina aliran baru berhampiran rumah, saya sudah menjangkakan kejadian ini akan berlaku,” katanya.